

Headline	Lelaki terkejut isterinya didapati lelaki		
MediaTitle	Kosmo		
Date	28 Nov 2012	Color	Full Color
Section	Dunia	Circulation	115,967
Page No	47	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	213 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,852
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,556



Lelaki terkejut 'isterinya' didapati lelaki

ANTWERP, Belgium - Seorang lelaki terkejut apabila mengetahui isteri yang dikahwini selama 19 tahun sebenarnya seorang lelaki, lapor akhbar *Daily Mail* kemasin.

Lelaki itu yang hanya mahu dikenali sebagai Jan, berusia 64 tahun berkata, dia langsung tidak mengetahui bahawa isterinya dilahirkan sebagai seorang lelaki.

Cerita mengejut itu didekahkan oleh sepupu 'isterinya' itu dari Indonesia.

Jan berkata, dia bertemu dengan 'isterinya' itu, Monica pada tahun 1993 di Antwerp semasa wanita tersebut menjadi pengasuh anak kakaknya di bandar ini.

Ketika itu, 'isterinya' berusia 27 tahun.

Menurutnya, ketika itu dia berusia 44 tahun.

"Saya bertanya kepada dia sama ada dia mahukan anak.

"Saya berasa gembira kerana dia menyatakan tidak mahukan anak kerana saya sudah pun mempunyai dua anak (hasil perkahwinan yang terdahulu)," kata Jan.

Dia menggambarkan, isterinya sebagai seorang yang cantik.



GAMBAR fail menunjukkan sebuah lokasi di Antwerp, Belgium. AFP

Namun, kini dia memahami kenapa isterinya itu tidak pandai menggosok baju kerana dia sebenarnya seorang lelaki.

Menurut Jan, semasa melakukan hubungan seks, dia tidak menyedari 'isterinya' itu seorang lelaki.

Lelaki itu berkata, hubu-

ngan dengan 'isterinya' itu mengalami masalah sejak dua tahun lalu selepas dia keluar malam dengan memakai pakaian yang mendedahkan tubuh badannya.

Menurutnya, dia juga mempunyai lebih 100 pasang kasut.

"Saya juga melihat dia me-

nyaksikan gambar beberapa lelaki muda di internet," katanya kepada akhbar *Nieuwsblad*.

"Saya pernah memberitahu anak lelaki saya mengenai perkara itu (spekulasi isterinya ialah lelaki) dan dia turut mengaku ada mendengar khabar angin bahawa Monica pernah menjadi lelaki," katanya.

"Pada suatu petang, saya bertanya dia dan akhirnya dia mengaku yang dia dilahirkan sebagai lelaki serta telah menjalani pembedahan menukar jantina," katanya.

Selepas mengetahui perkara itu, Jan menganggap dirinya dikhianati selepas hampir 20 tahun hidup bersamanya.

Dia kini terpaksa tinggal sebumbung dengannya selepas seorang hakim enggan mengeluarkan perintah untuk mengusir 'isterinya' itu.

"Kami tinggal dalam bilik yang berasingan dan jarang bercakap. Apa yang Monica buat pada saya dan keluarga saya tidak dapat dimaafkan. Saya hanya mahu dia keluar daripada hidup saya," kata Jan. - Agensi